

400 pelajar UMP bersih kubur

KUANTAN - Kira-kira 400 pelajar Universiti Malaysia Pahang (UMP) akan melakukan aktiviti kemasyarakatan dengan bergotong-royong membersihkan tiga kawasan perkuburan Islam di sekitar daerah ini, Sabtu ini.

Pegawai Perhubungan Awam dan Media UMP, Nadzariah Mohamed berkata, tiga kawasan tanah perkuburan itu ialah Tanah Perkuburan Islam Batu 8, Tanah Perkuburan Islam Pandan 2 dan Tanah Perkuburan Islam Jaya Gading.

Menurutnya, gotong-royong yang bermula pada pukul 7 pagi itu merupakan sebahagian daripada Program Khidmat Komuniti Rakan Siswa universiti berkenaan.

"Pelajar tahun satu universiti itu akan dibantu oleh pihak jawatankuasa kemajuan dan keselamatan kampung (JKKK) terbabit sepanjang program gotong-royong itu," katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Jelasnya, antara objektif utama program itu adalah untuk memberi peluang dan pendedahan kepada pelajar melakukan kerja-kerja kemasyarakatan selain mendekatkan diri dengan penduduk setempat.

"Kita nak pelajar biasakan diri dan belajar hidup bermasyarakat, libatkan diri dalam kerja amal untuk mudah bergaul nanti," ujarinya lagi.